

Hampir 12,000kg lebihan makanan diselamatkan

Kempen Sifar Sisa @ Bazar Ramadan 2025 merangkumi dua program utama

Oleh Farah Marshita Abdul Patah

farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Hampir 12,000 kilogram (kg) lebihan makanan dianggarkan bernilai RM139,000 berjaya diselamatkan daripada dibuang menerusi pelaksanaan Kempen Sifar Sisa @ Bazar Ramadan 2025.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa, berkata menerusi kempen itu juga 24,061kg sisa bukan makanan berjaya dikitar semula.

Beliau berkata, kempen itu merangkumi dua program utama, iaitu MySaveFood dan Program Pengasingan Sisa.

“Ia adalah inisiatif penting dalam memperkasakan usaha pengurangan sisa secara mampan serta memastikan lebihan makanan dimanfaatkan sebaiknya.

“Usaha ini bukan sahaja membantu golongan memerlukan, malah turut mengurangkan pelepasan karbon yang memberi impak positif kepada alam sekitar,” katanya menerusi hantaran di X, semalam.



Dr Zaliha pada Kempen Sifar Sisa @ Bazar Ramadan 2025 di Jalan Raja Alang, Kampung Baru, semalam.

(Foto X Dr Zaliha Mustafa)

san karbon yang memberi impak positif kepada alam sekitar,” katanya menerusi hantaran di X, semalam.

Elak pembaziran

MySaveFood adalah kolaborasi antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Pemuda Gema

Malaysia, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), peniaga bazar serta Remeal.

Dr Zaliha berkata, selain MySaveFood, program pengasingan sisa bertujuan memastikan lebihan makanan yang tidak dapat diselamatkan diurus dengan baik.

“Setiap kilogram yang diselamatkan bukan sekadar angka, tetapi satu langkah ke arah masa depan yang lebih lestari.

“Dengan kesedaran dan kerjasama semua pihak, kita mampu memikul tanggungjawab terhadap alam sekitar dan mengelakkan pembaziran,” katanya.